

KENYATAAN AKHBAR

PBT PERTAMA DI SELANGOR LANCAR PETI 3R

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Peti 3R bersempena Kempen Kitar Semula 2012 pada 29 Mei yang lalu. Konsep Peti 3R ini merupakan inisiatif dari New Zealand yang disediakan untuk kemudahan orang Awam. Kempen ini juga telah diperkenalkan di Pulau Pinang pada tahun 2010 dan telah dilancarkan oleh Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng pada 30 April 2011. Sebanyak 100 unit tong telah diletakkan di sekitar Bandar Georgetown dan pelancaran Peti 3R tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk Pulau Pinang.

Usaha dari pihak Tyewei yang mengambil inisiatif ini untuk menaja Peti 3R termasuk juga pengumpulan bahan kitar semula. Usaha murni inilah merupakan tanggungjawab sosial sektor korporat terhadap agensi kerajaan.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak Majlis untuk tujuan mempromosikan gaya hidup yang mesra alam kearah menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah. Baru-baru ini MBPJ telah melancarkan skim rebat cukai taksiran bagi pemilik rumah yang mesra alam hijau dan mampan.

Antara inisiatif lain yang telah dirangka seperti perolehan basikal elektrik untuk kegunaan di taman awam, zon matikan enjin ketika menunggu, larangan menggunakan beg plastik pada setiap hari sabtu, kempen penanaman pokok, dasar perolehan kenderaan hybrid.

Disamping itu, pihak Majlis juga telah mengenakan syarat-syarat kebenaran merancang yang mesra alam seperti Green Building, MASMA, SPAH, Lampu LED dan lain-lain ke atas projek pembangunan. Rebet cukai taksiran juga ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan lain-lain.

Peti 3R ini akan diletakkan di lokasi yang mudah untuk dilihat dan digunakan oleh orang ramai khususnya penduduk Petaling Jaya. Untuk permulaan sebanyak 50 unit Peti 3R ini akan diletakkan di sekitar pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Majlis berharap dengan inisiatif ini dapat memastikan Bandaraya Petaling Jaya sentiasa dijaga dengan baik dan bersih. Majlis menyeru kepada seluruh penduduk Petaling Jaya agar dapat menggunakan Peti 3R untuk kempen kitar semula kertas, plastik, botol dan lain-lain.

Disediakan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 29 Mei 2012

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604,
zainun@mbpj.gov.my
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my